



**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.



# Kandungan

---

MS5 **Sorotan Penting**

MS7 **Persekitaran Ekonomi Antarabangsa**

MS11 **Perkembangan Ekonomi Malaysia**

MS21 *Rencana 1: Profil Hutang Luar Negeri Malaysia*

MS27 **Perkembangan Monetari dan Kewangan**

MS31 **Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia**

MS33 **Tinjauan Makroekonomi**

MS37 *Rencana 2: Ketegangan Perdagangan yang Semakin Meruncing dan Potensi Kesan Limpahan kepada Malaysia*


MS45 **Tambahan**



# Sorotan Penting Perkembangan Ekonomi dan Kewangan S3 2018

**Pertumbuhan ekonomi mampan pada 4.4% meskipun berhadapan dengan rintangan global**  
Permintaan domestik terus meningkat dalam keadaan kejutan penawaran komoditi

## Pertumbuhan KDNK Benar



● KDNK Benar, (Skala Kiri)  
● Pertumbuhan Suku Tahunan, terlaras secara bermusim



**Perbelanjaan isi rumah kukuh**  
S3 18: 9.0%



**Pelaburan swasta lebih tinggi bagi memenuhi prospek pertumbuhan yang positif**  
S3 18: 6.9%




**Kesan kejutan bekalan yang berlarutan dalam sektor pertanian dan perlombongan**

## Inflasi keseluruhan menurun pada suku ketiga 2018

**Inflasi yang lebih rendah pada suku itu mencerminkan terutamanya kesan pelaksanaan GST pada kadar sifar**

### Inflasi Keseluruhan dan Inflasi Teras<sup>1</sup>



● Inflasi keseluruhan ● Inflasi teras

<sup>1</sup>Inflasi teras tidak mengambil kira anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai penggunaan

**Pelaksanaan SST memberikan impak yang terhad ke atas inflasi pada suku itu**

### Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen CPI




## Rencana-rencana

**Ketegangan perdagangan yang semakin meruncing memberi impak yang lebih signifikan ke atas prospek pertumbuhan**


### Anggaran Impak Langkah-langkah Perlindungan Perdagangan

#### Impak mata peratusan tahunan




**Hutang luar negeri dalam denominasi ringgit mengurangkan dedahan kepada risiko mata wang asing manakala hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang mengehendkan risiko pembiayaan semula**

### Hutang luar negeri kepada KDNK (% bahagian)



• Hutang luar negeri menurun kepada 66.2% daripada KDNK pada akhir S3 2018

### Hutang luar negeri mengikut mata wang dan kematangan asal (% share)



• Kira-kira sepertiga daripada hutang luar negeri adalah dalam ringgit  
• Lebih separuh daripada hutang luar negeri adalah dalam jangka sederhana hingga panjang, lantas mengehendkan risiko pelanjutan



# Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

## SOROTAN PENTING

- Pertumbuhan ekonomi global makin sederhana pada suku ketiga 2018.
- Pertumbuhan eksport kebanyakan ekonomi serantau lebih perlahan.
- Volatiliti pasaran kewangan masih ketara, manakala ketegangan perdagangan meruncing.

## Pertumbuhan global meningkat pada kadar lebih sederhana


Ekonomi global terus berkembang, tetapi pada kadar yang lebih sederhana pada suku ketiga 2018. Meskipun KDNK Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) meningkat, kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana.

Dalam ekonomi maju, pasaran pekerja terus menyokong penggunaan swasta, berikutan kadar pengangguran yang terus menyusut dalam keadaan peningkatan pertumbuhan upah yang stabil. Perkembangan ini menyumbang kepada peningkatan tekanan inflasi seperti yang dicerminkan oleh kenaikan Indeks Harga Pengguna yang beransur-ansur. Namun, aktiviti pelaburan makin sederhana di kawasan euro manakala di AS, perbelanjaan perniagaan meningkat hasil daripada reformasi cukai pada 2017.

Pertumbuhan di rantau Asia menunjukkan trend yang menurun. RR China mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan, kerana dasar memperketat kredit terhadap pelaburan terus dilaksanakan, terutamanya perbelanjaan kerajaan tempatan untuk infrastruktur. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri dalam kalangan ekonomi Asia lain terus berdaya tahan, sebahagiannya dibantu oleh sokongan dasar yang berterusan dan perbelanjaan infrastruktur yang lebih tinggi.

## Aktiviti ekonomi global menurun pada S3 2018


Rajah 1: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Pihak berkuasa negara

Prestasi eksport lebih rendah pada S3 2018

Rajah 2: Pertumbuhan KDNK (dalam AS Dolar)



Sumber: Bloomberg


Pertumbuhan eksport menjadi sederhana

Kebanyakan ekonomi serantau mencatatkan pertumbuhan eksport lebih perlahan pada suku ketiga 2018. Hal ini mencerminkan permintaan daripada ekonomi utama, seperti kawasan euro dan RR China, yang lebih rendah. Yang ketara, permintaan terhadap produk E&E yang sebelum ini dipacu oleh penghantaran dari Korea dan China Taipei, telah menjadi lebih sederhana.

Tanda-tanda menunjukkan bahawa tindakan perdagangan baru-baru ini telah mula menimbulkan kesan. Indeks Pengurus Pembelian (Purchasing Managers Index, PMI) di beberapa ekonomi mencatatkan penurunan dalam tempahan baharu dan subindeks keyakinan. Syarikat-syarikat mendapati bahawa ketegangan perdagangan yang berlarutan akan meningkatkan kos input dan mengganggu operasi rantai pembekalan mereka. Gangguan perdagangan dijangka memburukkan lagi momentum pertumbuhan yang semakin sederhana, yang kini dialami oleh sebahagian besar ekonomi.

Volatiliti pasaran kewangan lebih tinggi

Rajah 3: Index Ketidaktentuan (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg

Volatiliti pasaran kewangan semakin ketara

Volatiliti pasaran kewangan muncul semula pada bulan Oktober, berikutan kenaikan kadar hasil Perbendaharaan AS 10 tahun kepada paras tertinggi sejak tahun 2011. Hal ini disebabkan sebahagiannya oleh pelarasan pada jangkaan pasaran terhadap ekonomi AS ke arah yang lebih teguh. Kebanyakan ekonomi pasaran sedang pesat membangun mencatatkan aliran keluar modal yang besar, yang mengakibatkan tekanan terhadap mata wang dan ekuiti pasaran sedang pesat membangun. Khususnya, keadaan kewangan di Turki dan Argentina, merosot secara mendadak dan diburukkan lagi oleh kelemahan ekonomi dalam negeri masing-masing.

Ketegangan perdagangan yang semakin meruncing turut menyumbang kepada volatiliti yang nyata pada suku ketiga tahun 2018. Pada bulan September, AS mengenakan tarif tambahan sebanyak 10% terhadap import dari

RR China yang bernilai USD200 bilion dan mengumumkan bahawa tarif ini akan dinaikkan kepada 25% pada bulan Januari 2019. Langkah ini mencetus tindak balas RR China yang menaikkan tarifnya sebanyak 5-10% terhadap import AS yang bernilai USD60 bilion.

Dalam pasaran komoditi, harga minyak mentah Brent meningkat sedikit kepada purata USD76 setong pada suku ketiga 2018 (S2 2018: USD75).

Pada suku itu, janji yang dibuat oleh OPEC untuk meredakan pengurangan pengeluaran minyak telah menyebabkan harga menjadi sederhana. Walau bagaimanapun, menjelang akhir suku tersebut, harga minyak mentah Brent meningkat dengan ketara, apabila laporan mengenai eksport minyak dari Iran yang menyusut menjelang pelaksanaan sekatan perdagangan oleh AS telah mencetuskan kebimbangan tentang keadaan bekalan lebih ketat dalam pasaran minyak global.



# Perkembangan Ekonomi Malaysia

## SOROTAN PENTING

- Ekonomi Malaysia meningkat 4.4% pada suku ketiga.
- Inflasi keseluruhan dan inflasi teras menurun masing-masing kepada 0.5% dan 1.4%.
- Lebih akaun semasa meningkat kepada RM3.8 bilion pada suku ketiga.

### Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.4%

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang mampan sebanyak 4.4% pada suku ketiga 2018 (S2 2018: 4.5%), disokong oleh pengembangan permintaan dalam negeri dalam keadaan penurunan eksport bersih. Perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan dengan peningkatan pada kadar yang lebih pantas sebanyak 8.5% (S2 2018: 7.5%), manakala perbelanjaan sektor awam kembali pulih untuk mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 1.1% (S2 2018: -1.4%). Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara berkembang sebanyak 1.6% (S2 2018: 0.3%).


### Permintaan dalam negeri terus dipacu oleh sektor swasta

Permintaan dalam negeri berkembang pada kadar yang lebih pantas pada suku ketiga (6.9%; S2 2018: 5.6%), didorong oleh aktiviti sektor swasta.

Penggunaan swasta meningkat dengan pesat kepada 9.0% (S2 2018: 8.0%). Pada bulan Julai dan Ogos 2018, perbelanjaan isi rumah telah dirangsang

### Pertumbuhan kekal mampan pada S3 2018


Rajah 4: Pertumbuhan KDNK benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Pertumbuhan disokong aktiviti sektor swasta**

Rajah 5: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



oleh pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST)<sup>1</sup> pada kadar sifar, khususnya barangan tahan lama seperti kenderaan bermotor dan kelengkapan serta makanan dan minuman. Pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan turut memberi sokongan utama kepada perbelanjaan isi rumah.

Pertumbuhan pelaburan swasta meningkat lebih tinggi sedikit pada 6.9% (S2 2018: 6.1%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pada suku itu, firma telah meningkatkan kapasiti mereka dengan menambah perbelanjaan untuk jentera dan kelengkapan bagi menampung permintaan yang semakin meningkat.


Penggunaan awam meningkat pada kadar yang lebih pantas (5.2%; S2 2018: 3.1%). Hal ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan, yang lebih daripada mengimbangi pertumbuhan emolumen yang sederhana.

Pelaburan awam mencatatkan penurunan yang lebih kecil pada suku ketiga (-5.5%; S2 2018: -9.8%), disebabkan oleh perbelanjaan modal Kerajaan Am yang bertambah baik. Namun demikian, perbelanjaan modal oleh syarikat awam adalah lebih rendah kerana beberapa projek kini hampir siap.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) meningkat pada kadar yang lebih pantas sebanyak 3.2% (S2 2018: 2.2%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor swasta yang berterusan. Mengikut jenis aset, perbelanjaan modal ke atas jentera dan kelengkapan adalah lebih tinggi pada 5.9% (S2 2018: 3.6%). Pelaburan dalam aset jenis lain kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif kecil sebanyak 0.1% (S2 2018: -2.9%). Pelaburan dalam struktur meningkat pada kadar sederhana sebanyak 1.8% (S2 2018: 2.1%), disebabkan terutamanya oleh pelaburan yang terus lemah dalam harta kediaman.

**Pembentukan modal tetap kasar terus bertambah baik**

Rajah 6: Pertumbuhan PMTK mengikut Jenis Aset



\* Aset-aset lain termasuk penerokaan mineral, penyelidikan & pembangunan dan penanaman modal.

<sup>1</sup> Pengurangan kadar GST daripada 6% kepada 0% mulai 1 Jun 2018. Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) telah dilaksanakan mulai 1 September 2018.

### Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam sektor berkaitan komoditi diimbangi oleh pengembangan yang lebih pantas dalam sektor lain

Dari segi sektor, pertumbuhan telah terjejas terutamanya oleh kejutan yang berlarutan membabitkan bekalan komoditi. Namun begitu, impak ke atas pertumbuhan keseluruhan telah diimbangi oleh pengembangan dalam sektor ekonomi lain, terutamanya sektor perkhidmatan, perkilangan dan pembinaan yang mencakupi 82% daripada ekonomi.


Pertumbuhan dalam sektor perlombongan terus menguncup kerana pengeluaran gas asli terus terjejas ekoran gangguan bekalan tidak dirancang dan kerja-kerja pembaikan paip di kawasan perlombongan yang terletak di Malaysia Timur. Sementara itu, pertumbuhan sektor pertanian kekal lemah berikutan pengeluaran minyak sawit mentah masih belum pulih daripada keadaannya yang terjejas teruk akibat masalah cuaca dan kekangan pengeluaran pada suku kedua.

Pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan terus meningkat pada suku ketiga, didorong terutamanya oleh subsektor perdagangan borong dan runcit. Peningkatan ini disebabkan oleh perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi pada tempoh pelepasan cukai. Subsektor kewangan dan insurans juga memperoleh manfaat daripada pelaksanaan GST pada kadar sifar seperti yang dapat diperhatikan dalam pengeluaran pinjaman pengguna serta pembayaran premium insurans yang lebih tinggi, terutamanya dalam segmen kenderaan bermotor. Pertumbuhan dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan bertambah baik, disokong oleh jumlah penumpang penerbangan yang lebih tinggi. Subsektor maklumat dan komunikasi terus berkembang, dalam keadaan permintaan yang berterusan untuk perkhidmatan komunikasi data.

Pada suku ketiga, sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan yang mampan, disebabkan oleh pertumbuhan dalam kelompok E&E dan kelompok berkaitan pengguna yang bertambah baik mengimbangi pertumbuhan yang lebih perlahan dalam keluaran berkaitan sumber. Pengembangan dalam kelompok E&E dan kelompok berkaitan pengguna yang lebih pantas ini disebabkan oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam kelompok elektronik berasaskan pengguna, perkakas rumah,

Sektor lain meningkat dengan lebih pantas manakala pertumbuhan sektor berkaitan komoditi adalah lebih perlahan


Rajah 7: Pertumbuhan Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan


Rajah 8: KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penurunan inflasi adalah disebabkan terutamanya oleh kesan daripada pelaksanaan GST pada kadar sifar

Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan mengikut Komponen




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

kereta penumpang serta alat ganti kenderaan, berikutan perbelanjaan untuk barangan tahan lama yang lebih tinggi pada tempoh pelepasan cukai. Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan mampan sejajar dengan aktiviti sektor pembinaan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan keluaran berkaitan sumber terus berkembang dengan lebih perlahan pada suku ketiga 2018 berikutan pengeluaran sumber asli seperti minyak sawit mentah dan gas asli yang lebih rendah.

Sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan yang mampan pada suku ketiga 2018. Walaupun beberapa projek mega terus dikaji semula, aktiviti pembinaan dalam subsektor kejuruteraan awam terus menyokong pertumbuhan, disokong oleh kemajuan yang berterusan dalam projek pengangkutan, petrokimia dan loji kuasa yang sedia ada. Pertumbuhan subsektor harta tanah bukan kediaman bertambah baik sedikit tetapi pertumbuhan dalam subsektor kediaman kekal lemah, dalam keadaan jumlah kediaman tidak terjual yang lebih tinggi.

Rebakan inflasi terus menurun pada S3 2018

Rajah 10: Rebakan Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi yang lebih rendah pada suku ketiga mencerminkan pelaksanaan GST pada kadar sifar

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 0.5% pada S3 2018 (S2 2018: 1.3%).

Inflasi yang lebih rendah mencerminkan terutamanya kesan pelaksanaan GST pada kadar sifar. Mengikut kategori, impaknya adalah meluas dan jelas terutamanya untuk *perkhidmatan komunikasi* serta *perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan*. Peratusan barangan dalam bakul IHP yang mempunyai inflasi melebihi 2% menurun kepada 9% pada suku ketiga (S2 2018: 18%), meskipun setelah pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) yang bermula pada 1 September 2018. Dengan kenaikan harga purata yang kecil untuk barangan yang dikenakan cukai SST pada bulan September, impak SST ke atas inflasi pada suku itu adalah terhad.

Inflasi teras, yang tidak mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, menjadi sederhana sedikit kepada 1.4% (S2 2018: 1.5%). Tekanan inflasi yang didorong oleh permintaan terus dibendung dengan ketiadaan tekanan gaji yang berlebihan, di samping tahap lebih kapasiti stok modal yang mencukupi.


**Keadaan pasaran pekerja positif**

Keadaan pasaran pekerja terus menyokong aktiviti ekonomi. Meskipun, kadar pengangguran meningkat lebih tinggi sedikit pada suku ketiga (3.4%; S2 2018: 3.3%), peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh penyertaan guna tenaga yang lebih tinggi (68.5%; S2 2018: 68.4%) yang mengimbangi peningkatan pertumbuhan pekerjaan (2.6 %, S2 2018: 2.4%). Pada suku itu, penambahan pekerjaan bersih yang lebih kukuh dicatat dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan.

Pertumbuhan upah sektor swasta mampan pada 5.7% (S2 2018: 5.7%). Keadaan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan upah yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan 3.9% (S2 2018: 3.7%), disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit. Sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan upah yang lebih perlahan (9.6%; S2 2018: 10.1%) disebabkan oleh pertumbuhan upah yang lebih sederhana dalam industri berorientasikan domestik (6.1%; S2 2018: 8.6%). Walau bagaimanapun, upah dalam subsektor berorientasikan eksport meningkat pada kadar yang lebih pantas (10.9%; S2 2018: 10.6%), disokong oleh pertumbuhan segmen E&E yang berterusan.

**Kadar pengangguran meningkat sedikit**


Rajah 11: Kadar pengangguran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Upah sektor swasta mencatat pertumbuhan mampan**

Rajah 12: Upah sektor swasta




\* Upah sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan dan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Sektor ini meliputi 62% daripada jumlah guna tenaga.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

E&E kekal sebagai pemacu utama eksport

Rajah 13: Eksport Kasar Mengikuti Keluaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan yang berterusan dalam eksport ke kebanyakan pasaran utama

Rajah 14: Eksport Kasar Mengikuti Pasaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport dan import menjadi sederhana

Pada suku ketiga 2018, eksport kasar berkembang 5.2% (S2 2018: 8.3%), disokong terutamanya oleh eksport perkilangan. Eksport domestik<sup>2</sup> menurun -0.2% (S2 2018: 0.2%) berikutan penguncupan eksport komoditi. Lebihan perdagangan berjumlah RM25.2 bilion pada suku itu (S2 2018: RM27.1 bilion).

Eksport perkilangan meningkat 7.4% (S2 2018: 10.7%), disokong oleh eksport E&E yang lebih tinggi (10.7%; S2 2018: 9.8%) dengan permintaan daripada rakan perdagangan utama terutamanya dari rantau Asia. Yang ketara, pertumbuhan eksport separa konduktor terus kukuh pada 24.2% (S2 2018: 21.0%). Kekukuhan ini mencerminkan kitaran teknologi global yang terus berkembang. Walau bagaimanapun, eksport bukan E&E meningkat dengan sederhana, terutamanya dalam keluaran petroleum, perkilangan logam dan kelengkapan pengangkutan. Eksport komoditi mencatatkan penguncupan yang lebih kecil iaitu -3.0% (S2 2018: -3.8%), disebabkan oleh penurunan yang berterusan bagi eksport kelapa sawit mentah yang sebahagiannya diimbangi oleh pertumbuhan eksport mineral yang lebih kukuh (9.3%, S2 2018: 8.1%), terutamanya eksport petroleum mentah.

Import kasar mencatatkan pertumbuhan yang sederhana pada 6.3% pada suku ketiga (S2 2018: 8.5%), susulan import barangan modal yang perlahan dan import barangan untuk dieksport semula yang lebih rendah. Import barangan penggunaan kembali pulih kepada 5.5% (S2 2018: -2.8%), disebabkan oleh peningkatan mendadak perbelanjaan dalam negeri pada tempoh pelepasan cukai, di samping penguncupan import barangan pengantara yang lebih kecil.

<sup>2</sup> Eksport domestik ditakrifkan sebagai eksport kasar yang tidak termasuk aktiviti eksport semula.

## Akaun semasa terus mencatatkan lebihan

Akaun semasa terus mencatatkan lebihan secara keseluruhan pada RM3.8 bilion pada suku ketiga 2018 (S2 2018: RM3.9 bilion), atau 1.1 % daripada PNK (S2 2018: 1.2% daripada PNK). Hal ini disebabkan oleh lebihan<sup>3</sup> akaun barangan yang lebih tinggi dan defisit akaun perkhidmatan yang lebih rendah, dalam keadaan defisit yang lebih besar dalam akaun pendapatan primer.


Lebihan akaun barangan meningkat kepada RM26.6 bilion (S2 2018: RM26.1 bilion) berikutan eksport E&E yang lebih tinggi. Defisit akaun perkhidmatan mengecil kepada RM3.3 bilion (S2 2018: -RM6.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh lebihan yang lebih besar dalam akaun perjalanan (RM8.0 bilion; S2 2018: RM6.6 bilion). Hal ini disebabkan oleh ketibaan pelancong yang lebih tinggi, dan defisit yang lebih rendah dalam akaun perkhidmatan pembinaan (-RM1.3 bilion; S2 2018: -RM3.2 bilion), susulan pembatalan dan penangguhan beberapa projek besar.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM15.0 bilion (S2 2018: -RM11.2 bilion). Hal ini berlaku berikutan keuntungan yang diperoleh pelabur asing di Malaysia terus mengatasi keuntungan yang diperoleh firma Malaysia yang melabur di luar negeri (RM16.3 bilion; S2 2018: RM13.8 bilion), terutamanya dalam sektor perlombongan dan perkilangan. Yang ketara, 26.4% daripada keuntungan yang diperoleh para pelabur asing telah dilaburkan semula (S2 2018: 10.7%). Akaun pendapatan sekunder terus mencatatkan defisit sebanyak RM4.5 bilion (S2 2018: -RM4.7 bilion), mencerminkan pengirisan wang keluar yang berterusan oleh pekerja asing.

Import menjadi sederhana disebabkan pertumbuhan barangan modal dan aktiviti eksport semula yang lebih perlahan

Rajah 15: Import Kasar Mengikuti Keluaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)




■ Lain-lain  
■ Barangan penggunaan  
■ Barangan pengantara  
■ Barangan modal  
— Import kasar (perubahan tahunan, %)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Imbangan akaun semasa berterusan

Rajah 16: Imbangan akaun semasa




■ Barangan  
■ Perkhidmatan  
■ Pendapatan primer  
■ Pendapatan sekunder  
— Imbangan akaun semasa (skala kanan)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>3</sup> Perbezaan antara lebihan akaun barangan dengan lebihan akaun perdagangan mungkin disebabkan oleh pengecualian barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengagihan dalam akaun barangan mengikut Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (BPM6) IMF.

**Aliran masuk bersih yang sedikit dalam akaun pelaburan langsung**

Rajah 17: Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor




Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk kepada aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk kepada aliran masuk bersih

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

**Aliran masuk bersih dalam akaun pelaburan portfolio disebabkan oleh pelabur pemastautin**

Rajah 18: Pelaburan portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

**Akaun kewangan mencatatkan aliran masuk bersih yang kecil**

Pada suku ketiga 2018, akaun kewangan mencatatkan aliran masuk bersih yang kecil sebanyak RM0.2 bilion (S2 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM9.2 bilion). Aliran masuk bersih dalam portfolio dan pelaburan langsung sebahagiannya diimbangi oleh aliran keluar bersih dalam pelaburan lain.

Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih yang kecil berjumlah RM0.06 bilion (S2 2018: aliran keluar bersih RM0.7 bilion). Pada suku ketiga, pelaburan langsung asing (foreign direct investments, FDI) mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih besar berjumlah RM3.9 bilion (S2 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM2.8 bilion). Aliran masuk FDI kebanyakannya disalurkan ke sektor perkilangan dan sektor perlombongan. Sementara itu, pelaburan langsung luar negeri (direct investment abroad, DIA) oleh syarikat Malaysia mencatatkan aliran keluar yang lebih tinggi berjumlah RM3.9 bilion (S2 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM3.6 bilion). Aliran keluar DIA disalurkan sebahagian besarnya ke dalam sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor perkhidmatan kewangan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM0.6 bilion, iaitu pemulihan yang ketara daripada aliran keluar bersih sebanyak RM38.3 bilion pada S2 2018. Aliran ini mencerminkan pelupusan bersih pemegang pelaburan portfolio pemastautin di luar negara (S3 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM4.3 bilion; S2 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM1.0 bilion). Pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin mencatatkan aliran keluar yang lebih kecil sebanyak RM3.6 bilion (S2 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM37.2 bilion) berikutan pelupusan bersih pemegang sekuriti hutang domestik dalam nilai ringgit oleh bukan pemastautin. Perkara ini berlaku dalam keadaan volatiliti pasaran kewangan yang ketara di seluruh dunia.

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM0.8 bilion (S2 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM48.4 bilion). Pengurangan penempatan antara bank di luar negeri oleh sektor perbankan diimbangi oleh aliran keluar daripada sektor swasta bukan bank, terutamanya deposit. Item kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM7.4 bilion atau -1.5% daripada jumlah perdagangan. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah USD103.0 bilion pada akhir bulan September 2018, berbanding dengan USD104.6 bilion pada akhir bulan Jun 2018.

## Hutang luar negeri kekal terus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM947.9 bilion atau 66.2% daripada KDNK pada akhir bulan September 2018 (akhir bulan Jun: RM936.5 bilion atau 65.4% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih tinggi ini mencerminkan sebahagian besarnya pelarasan penilaian semula berikutan nilai ringgit yang lebih rendah berbanding dengan mata wang utama dan serantau pada suku ketiga 2018 dan peningkatan deposit bukan pemastautin dalam sistem perbankan domestik. Hal ini sebahagiannya diimbangi oleh beberapa pembayaran balik peminjaman antara bank.


Hutang luar negeri Malaysia kekal terus berdasarkan profil mata wang dan tempoh matangnya, di samping faktor tersedianya aset luaran yang besar. Hampir satu pertiga daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam nilai ringgit (30.6%; akhir bulan Jun: 31.2%). Ia merangkumi terutamanya pemegang sekuriti hutang domestik (63.4% bahagian) dan deposit dalam ringgit (17.7% bahagian) di institusi perbankan domestik oleh bukan pemastautin. Oleh yang demikian, liabiliti-liabiliti tersebut tidak tertakluk pada perubahan penilaian berikutan turun naik kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri sebanyak RM657.9 bilion atau 69.4% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam mata wang asing (foreign currency, FC), yang sebahagian besarnya terdiri daripada peminjaman luar pesisir. Pada akhir bulan September 2018, peminjaman luar pesisir menurun kepada RM584.9 bilion atau 40.9% daripada KDNK (akhir bulan Jun: RM586.5 bilion atau 41% daripada KDNK), jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan kadar 60% daripada KDNK semasa Krisis Kewangan Asia pada 1997-98. Sektor korporat mencakupi lebih sedikit daripada separuh hutang luar negeri dalam mata wang asing. Daripada jumlah itu, kira-kira tiga perempat dilindungi nilai, sama ada secara semula jadi melalui aliran pendapatan dalam mata wang asing atau dilindungi nilai secara kewangan dengan bank-bank tempatan.

Daripada jumlah hutang luar negeri dalam mata wang asing (termasuk kesan penilaian), 38.1% (atau berjumlah RM250.4 bilion) merupakan peminjaman antara bank dan deposit mata wang asing dalam sistem perbankan domestik. 76.2% daripada peminjaman luar pesisir adalah peminjaman antara kumpulan. Peminjaman antara bank sebahagian

## Hutang luar negeri lebih tinggi pada S3 2018

Rajah 19: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri  
Perubahan bersih<sup>1</sup>: +RM11.4 bilion




<sup>1</sup> Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian semula kadar pertukaran

<sup>2</sup> Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

## Hutang dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada keperluan amalan pengurusan mudah tunai dan perlindungan nilai yang berhemat

Rajah 20: Butiran Hutang dalam Denominasi Mata Wang Asing Luar Negeri (% keseluruhan)



**Peminjaman Luar Pesisir**

\*Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dikeluarkan and faedah kena dibayar untuk bon dan nota

Sumber: Kementerian Kewangan, Malaysia dan Bank Negara Malaysia

besarnya mencerminkan amalan mudah tunai dan pengurusan dana berpusat bank. Paling ketara, hutang luar negeri dalam mata wang asing kekal stabil pada suku ketiga memandangkan pengurangan peminjaman antara bank telah diimbangi oleh peningkatan terbitan hutang di luar negeri dan deposit bukan pemastautin. Bank-bank terus berhati-hati dan proaktif dalam menguruskan risiko pendanaan dan mudah tunai mereka. Risiko mata wang asing, seperti yang diukur oleh kedudukan terbuka bersih dedahan dalam FC berjumlah 5.3% daripada jumlah modal bank. Daripada jumlah ini, kedudukan terbuka bersih USD adalah rendah pada 3.4% daripada jumlah modal bank.

Pada akhir bulan September 2018, nilai bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir adalah sebanyak RM149.3 bilion iaitu mencakupi 22.7% daripada jumlah hutang luar negeri dalam mata wang asing. Ia diterbitkan terutamanya oleh syarikat bukan kewangan dan sebahagian besar disalurkan untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Pinjaman antara syarikat (RM99.0 bilion atau 15.1% hutang luar negeri dalam mata wang asing) biasanya mempunyai syarat yang fleksibel dan berkadar rendah, seperti tiada jadual pembayaran balik yang tetap atau kadar faedah yang rendah. Hampir 70% daripada pinjaman antara syarikat diperoleh syarikat-syarikat yang dikuasai bukan pemastautin (MNC) daripada syarikat induk atau sekutu di luar negeri.

Dari perspektif tempoh matang, lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri bertempoh jangka sederhana hingga panjang (54.0% daripada jumlah hutang luar negeri; akhir bulan

Jun: 52.0%), yang menunjukkan bahawa risiko pembiayaan semula adalah terhad. Baki 46% hutang luar negeri terdiri daripada hutang luar negeri jangka pendek. Daripada jumlah ini, 36.1% merupakan penempatan antara kumpulan yang stabil dalam kalangan bank, lantas menyebabkannya kurang terdedah kepada pengeluaran secara tiba-tiba. Sekitar 13% lagi merupakan kredit perdagangan yang sebahagian besarnya disokong oleh pendapatan eksport dan dengan itu terbiaya sendiri. Sebanyak 4% merupakan pinjaman antara syarikat, yang biasanya mempunyai syarat yang fleksibel dan berkadar rendah (*Untuk pecahan hutang luar negeri yang lebih terperinci, sila rujuk Rencana mengenai 'Profil Hutang Luar Negeri Malaysia'*).

Pada 31 Oktober 2018, rizab antarabangsa berjumlah USD101.7 bilion. Jumlah rizab ini mencukupi untuk membiayai 7.5 bulan import tertanggung dan 1.0 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab bukanlah satu-satunya cara untuk bank dan syarikat memenuhi obligasi luaran mereka. Langkah liberalisasi terhadap peraturan pentadbiran pertukaran asing secara progresif telah menghasilkan desentralisasi rizab yang lebih besar. Khususnya, bank dan syarikat memegang tiga perempat daripada jumlah aset luaran Malaysia (pada akhir S3 2018: RM1.3 trilion). Aset luaran ini boleh dikeluarkan untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri bank dan syarikat (RM752.4 bilion), tanpa memerlukan tuntutan terhadap rizab antarabangsa. Jumlah rizab antarabangsa yang mencukupi ini bersama-sama dengan tersedianya mata wang asing dan aset luaran yang besar oleh bank dan syarikat, serta kadar pertukaran yang fleksibel, akan terus menjadi penampan dasar yang penting terhadap kemungkinan kejutan luaran.

1

Rencana

# Profil Hutang Luar Negeri Malaysia


Penulis: Ahmad Faisal Rozimi, CFA

## SOROTAN PENTING

- Jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun kepada 66.2% daripada KDNK pada akhir S3 2018 daripada paras tertinggi iaitu 74.3% daripada KDNK pada akhir tahun 2016. Sebahagian besar hutang luar negeri dikumpul oleh syarikat dan bank.
- Hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing berjumlah 46% daripada KDNK pada akhir S3 2018, berbanding dengan paras tertinggi iaitu 60% daripada KDNK semasa Krisis Kewangan Asia 1997. Yang ketara, hutang luar negeri Kerajaan dalam denominasi mata wang asing adalah amat rendah (1.2% daripada KDNK).
- Meskipun risiko yang menyelubungi keadaan pembiayaan luar negeri telah meningkat, risiko kepada hutang luar negeri Malaysia, termasuk hutang luar negeri jangka pendek, kekal terurus. Hal ini disokong oleh profil hutang luar negeri yang menggalakkan dan keupayaan pembayaran balik peminjam yang berterusan.
- Mencerminkan liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing Malaysia secara berperingkat-peringkat dan desentralisasi rizab antarabangsa, entiti Malaysia telah mengumpul aset luar negeri dengan jumlah yang ketara.
  - Yang penting, aset luar negeri bukan rizab Malaysia meningkat sekali ganda daripada RM622 bilion pada akhir tahun 2010 kepada RM1.3 trilion pada akhir S3 2018. Syarikat dan bank tempatan kini memegang tiga perempat daripada aset luar negeri Malaysia yang bernilai RM1.7 trilion.
  - Pengumpulan aset ini menyumbang kepada kedudukan aset mata wang asing bersih yang dicatat oleh Malaysia. Kedudukan ini menjadi pelindung sekiranya kadar pertukaran asing menyusut nilai secara mendadak.
  - Paling penting, aset ini boleh digunakan untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri peminjam tanpa memerlukan tuntutan ke atas rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia.

Hutang luar negeri menurun selepas mencatat paras tertinggi pada 74.3% daripada KDNK pada akhir tahun 2016. Lebih separuh daripada hutang luar negeri menjurus kepada tempoh jangka sederhana hingga panjang, lantas mengehendkan risiko pembiayaan semula


**Carta 1: Hutang Luar Negeri mengikut Kematangan (RM bilion)**



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan hutang luar negeri ketara lebih perlahan sejak tahun 2016


**Carta 2: Hutang Luar Negeri mengikut Institusi (RM bilion)**



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kira-kira sepertiga daripada hutang luar negeri adalah dalam ringgit, yang mengurangkan dedahan kepada turun naik mata wang


**Rajah 3: Hutang Luar Negeri Mengikut Mata Wang (% bahagian)**



Sumber: Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing berjumlah 46% daripada KDNK dengan kira-kira tiga perempat adalah tertakluk pada rangka kerja keperluan kehematan dan kelulusan BNM<sup>1</sup>

**Rajah 4: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (% bahagian)**




<sup>1</sup> Dedahan institusi perbankan (43.3% daripada hutang luar negeri dalam mata wang asing) adalah dalam bentuk peminjaman antara bank, deposit bukan pemastautin dan terbitan hutang adalah tertakluk kepada keperluan kehematan terhadap kecairan dan pengurusan risiko pendanaan sementara syarikat (31.3% daripada hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing) adalah tertakluk kepada rangka kerja kelulusan untuk memastikan bahawa pinjaman luar negeri digunakan untuk tujuan produktif dan disokong oleh pendapatan mata wang asing atau cukup dilindungi.

\* Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dikeluarkan dan faedah belum bayar untuk bon dan nota.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri institusi perbankan dan peminjaman mata wang asing syarikat, masing-masing tertakluk pada rangka kerja kehematan dan kelulusan hutang luar negeri BNM manakala pinjaman antara syarikat biasanya mempunyai syarat yang fleksibel dan berkadar rendah

Rajah 5: Hutang Luar Negeri Mengikut Instrumen (% bahagian)




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Ciri-ciri Utama Hutang Luar Negeri**

- 1 **Peminjaman antara bank dan deposit bukan pemastautin (32% bahagian)**
  - ✓ Tertakluk kepada pengurusan kecairan berhemat termasuk had pendanaan dan kematangan tidak sepedan
- 2 **Pinjaman antara syarikat (14% bahagian)**
  - ✓ Fleksibel dan pada kadar konsesi
- 3 **Kredit perdagangan (6% bahagian)**
  - ✓ Disokong oleh pendapatan eksport yang berfungsi sebagai mekanisma lindung nilai semula jadi terhadap kejutan kadar pertukaran
- 4 **Bon dan nota dan pinjaman jangka sederhana hingga panjang (22% bahagian)**
  - ✓ Terutamanya untuk pelaburan di luar negara yang akan meningkatkan pendapatan mata wang asing masa hadapan yang selanjutnya meningkatkan kapasiti pembayaran balik dan lindung nilai terhadap turun naik kadar pertukaran


Kira-kira 70% hutang luar negeri jangka pendek dipegang oleh institusi perbankan, yang mencerminkan kehadiran ketara bank asing dalam ekonomi dalam negeri dan penglibatan aktif bank-bank Malaysia di rantau ini

Rajah 6: Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Mengikut Institusi (% bahagian)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 7: Hutang Luar Negeri Jangka Pendek Mengikut Instrumen (% bahagian)




Sumber: Bank Negara Malaysia

Institusi perbankan memegang aset luar negeri yang besar, termasuk instrumen mudah tunai yang boleh digunakan untuk memenuhi tuntutan hutang luar negeri mereka

Kedudukan terbuka bersih mata wang asing institusi perbankan kekal kecil berbanding jumlah modal

**Rajah 8: Aset Luar Negeri Institusi Perbankan (% bahagian)**

**Aset Luar Negeri Institusi Perbankan: RM276 bilion**




<sup>2</sup> Terdiri daripada pelaburan ekuiti dan pendapatan terkumpul yang dipegang dalam anak-anak syarikat dan cawangan di luar negara. Ini berpunca daripada kumpulan perbankan domestik yang mempunyai operasi serantau yang kukuh.

Sumber: Bank Negara Malaysia

**Rajah 9: Kedudukan Terbuka Bersih Mata Wang Asing Institusi Perbankan<sup>3</sup> (% modal bank)**

% daripada jumlah modal bank




<sup>3</sup> Merujuk kepada jumlah terkumpul kedudukan bersih mata wang asing untuk semua mata wang oleh institusi perbankan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aset luar negeri bukan rizab Malaysia meningkat sekali ganda daripada RM622 bilion pada akhir tahun 2010 kepada RM1.3 trilion pada akhir S3 2018


Tiga perempat daripada aset luar negeri Malaysia bernilai RM1.7 trilion dipegang oleh syarikat dan institusi perbankan domestik

**Rajah 10: Aset Luar Negeri (RM bilion)**



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

**Rajah 11: Bahagian Aset Luar Negeri tidak termasuk Rizab kepada Jumlah Aset Luar Negeri (% bahagian)**




<sup>4</sup> Kedudukan aset luar negeri pada akhir S3 2018 untuk Malaysia dan pada akhir S2 2018 untuk negara-negara lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Haver Analytics

Aset luar negeri mata wang asing Malaysia jauh melebihi liabiliti luar negeri mata wang asing, lantas mengurangkan impak penyusutan nilai ringgit iaitu peningkatan aset luar negeri yang lebih tinggi berbanding dengan liabiliti luar negeri apabila ringgit menyusut nilai

Tidak termasuk rizab antarabangsa, Malaysia mempunyai kedudukan liabiliti hutang luar negeri mata wang asing bersih<sup>7</sup> yang kecil. Hal ini menekankan lagi bahawa pembayaran balik obligasi hutang luar negeri tidak akan memerlukan tuntutan ke atas rizab antarabangsa

**Rajah 12: Kedudukan Pelaburan Antarabangsa mengikut Mata Wang pada akhir S3 2018 (RM bilion)**



<sup>5</sup> Termasuk terutamanya pelaburan langsung dan portfolio di luar negeri.

<sup>6</sup> Merangkumi pegangan bukan sekuriti hutang domestik dan penempatan deposit dalam sistem perbankan domestik, serta pemegangan sekuriti ekuiti dalam bentuk pelaburan langsung dan portfolio asing.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 1: Kedudukan Hutang Luar Negeri Mata Wang Asing Bersih Malaysia**

	Hutang Luar Negeri Mata Wang Asing		
	Asset	Liabiliti	Bersih
	(RM bilion)		
Deposit	74.4	43.5	30.9
Bon dan nota	91.3	149.3	-58.0
Peminjaman antara bank	62.5	206.9	-144.4
Pinjaman antara syarikat	214.5	99.0	115.5
Kredit perdagangan	77.9	53.8	24.1
Pinjaman	107.1	91.5	15.6
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	0.0	0.0	0.0
Lain-lain	13.5	13.7	-0.1
<b>Jumlah</b>	<b>641.4</b>	<b>657.9</b>	<b>-16.5</b>
<b>% daripada KDNK</b>	<b>44.8</b>	<b>46.0</b>	<b>-1.2</b>

<sup>7</sup> Perbezaan antara liabiliti instrumen hutang luar negeri mata wang asing (bahagian liabiliti, iaitu peminjaman oleh pemastautin Malaysia daripada bukan pemastautin) dan aset instrumen hutang luar negeri mata wang asing (bahagian aset, iaitu berian pinjaman oleh pemastautin Malaysia kepada bukan pemastautin).

Sumber: Bank Negara Malaysia



# Perkembangan Monetari dan Kewangan

## SOROTAN PENTING


- Ringgit menyusut nilai bersama-sama kebanyakan mata wang serantau dalam keadaan aliran keluar portfolio bukan pemastautin dan dolar AS yang terus kukuh.

### Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga

Sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga 2018 kerana ketidakpastian luaran terus mendorong aliran keluar portfolio bukan pemastautin dalam keadaan dolar AS semakin kukuh. Dolar AS yang terus kukuh disokong oleh data dan prospek ekonomi AS yang positif. Sentimen pelabur juga terjejas akibat ketegangan perdagangan yang meningkat dan kebimbangan terhadap risiko penularan daripada ekonomi pasaran sedang pesat membangun yang mudah terjejas. Pada masa hadapan, ringgit akan terus dipengaruhi oleh ketidakpastian luaran serta trajektori dolar AS.

### Kebanyakan mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS


Rajah 21: Ringkasan Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding dengan Dolar AS (1 Julai - 28 September 2018)



Sumber: Bank Negara Malaysia

**Keluc kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia menurun pada suku ketiga**


Rajah 22: Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

**Pasaran ekuiti domestik meningkat pada suku ketiga**

Rajah 23: Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

**Kadar hasil bon Kerajaan menurun disebabkan oleh permintaan pelabur institusi domestik yang berterusan**

Kadar hasil bon domestik menurun bagi semua tempoh matang pada suku ketiga yang sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan pelabur institusi domestik yang berterusan. Hal ini didorong terutamanya oleh jangkaan keadaan ekonomi yang baik dan dasar Kerajaan yang lebih jelas. Walau bagaimanapun, pada bulan September, trend tersebut beralih arah sementara kerana sentimen penghindaran risiko yang meningkat dalam pasaran kewangan global telah menyebabkan aliran keluar bukan pemastautin daripada pasaran bon serantau yang berterusan, termasuk Malaysia. Jumlah aliran keluar bukan pemastautin daripada pasaran domestik bon Kerajaan pada suku ketiga berjumlah RM2.4 bilion<sup>4</sup>. Secara keseluruhan, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun menurun masing-masing sebanyak 3.1, 8.6 dan 12.9 mata asas, pada suku ini.

**FBM KLCI meningkat pada suku ketiga didorong oleh sentimen dalam negeri yang positif**

FBM KLCI pulih dengan kukuh pada suku ketiga, dengan peningkatan 6.0% untuk ditutup pada 1,793.2 mata pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2018: 1,691.5 mata). Prestasi yang bertambah baik pada tempoh itu adalah disebabkan terutamanya oleh pembelian aktif daripada pelabur institusi domestik, yang didorong oleh status projek infrastruktur utama yang lebih jelas, harga minyak mentah yang lebih tinggi dan hasil perolehan syarikat-syarikat permodalan besar terpilih yang positif. Walau bagaimanapun, dari segi faktor luaran, sentimen pelabur terus terjejas dengan risiko yang masih wujud, yang mengakibatkan aliran keluar bukan pemastautin sebanyak RM1.7 bilion dalam tempoh tersebut<sup>5</sup>.

<sup>4</sup> Sumber: Bank Negara Malaysia

<sup>5</sup> Sumber: Bursa Malaysia

### Kadar faedah benar lebih tinggi pada suku ketiga dalam keadaan inflasi yang lebih rendah

Kadar faedah nominal dalam pasaran borong dan runcit stabil sepanjang suku ketiga. Sejar dengan KLIBOR 3 bulan yang tidak berubah pada 3.69%, kadar faedah antara bank bagi tempoh matang lain juga pada amnya stabil. Dalam pasaran runcit, kadar asas (base rate, BR) purata berwajaran dan kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul stabil masing-masing pada 3.90% (S2 2018: 3.89%) dan 5.41% (S2 2018: 5.43%).


Berlatarkan inflasi yang semakin sederhana, kadar benar deposit tetap (fixed deposit, FD) terus meningkat pada suku ketiga. Khususnya, kadar benar FD 12 bulan meningkat kepada 3.03% daripada 2.53% pada suku kedua.

### Keadaan mudah tunai kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan kekal mencukupi pada peringkat institusi dan sistem keseluruhan. Tahap lebih mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia kekal stabil secara relatif pada suku ketiga, mencerminkan aliran keluar bersih yang lebih rendah. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan kedudukan lebih mudah tunai.

### Kadar deposit benar meningkat, mencerminkan inflasi yang lebih rendah


Rajah 24: Kadar Deposit Tetap Benar (mengikut Kematangan), pada Akhir Tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

### Lebih mudah tunai ringgit terkumpul di Bank kekal stabil


Rajah 25: Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia, pada Akhir Tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan pembiayaan bersih didorong oleh pertumbuhan pinjaman dan bon korporat

Rajah 26: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih



■ Pinjaman Sistem Perbankan dan IKP  
 ■ Bon Korporat\*  
 — Jumlah Pembiayaan Bersih

Nota: Pembiayaan bersih terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan IKP terkumpul, dan bon korporat terkumpul  
 \*Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih meningkat pada suku ketiga

Pertumbuhan tahunan pembiayaan bersih meningkat kepada 6.5% pada suku ketiga (S2 2018: 6.3%), mencerminkan terutamanya pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman terkumpul<sup>6</sup> sebanyak 5.1% pada suku ketiga (S2 2018: 4.4%). Terbitan bersih bon korporat<sup>7</sup> terkumpul terus berkembang pada kadar pertumbuhan dua digit sebanyak 10.8% (S2 2018: 12.4%) meskipun sederhana sedikit kerana asas yang tinggi untuk tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Pada suku ketiga, bon korporat diterbitkan terutamanya untuk membiayai perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi. Jumlah pinjaman perniagaan terkumpul meningkat 3.6% (S2 2018: 2.2%), didorong terutamanya oleh sektor *pembinaan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; dan perkilangan*. Walaupun pertumbuhan pinjaman terkumpul bagi PKS lebih rendah pada 2.4% (S2 2018: 4.6%), jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS adalah lebih tinggi pada suku ini (RM77.2 bilion; S2 2018: RM73.4 bilion). Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul meningkat kepada 5.5% sepanjang tempoh tersebut (S2 2018: 5.3%), didorong sebahagian besarnya oleh pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi untuk *pembelian kereta penumpang*, dalam keadaan jualan kereta yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan GST pada kadar sifar.

<sup>6</sup> Pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

<sup>7</sup> Bon korporat tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

# Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

## SOROTAN PENTING

- MPC mengekalkan Kadar Dasar Semalaman pada 3.25% pada bulan Julai, September dan November, berasaskan penilaian bahawa pendirian dasar monetari semasa kekal menyokong aktiviti ekonomi.

### OPR kekal akomodatif

Dalam mesyuarat pada bulan Julai, September dan November 2018, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25%. Pada tahap OPR ini, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi.

Ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil, dengan penggunaan swasta menjadi pemacu utama pertumbuhan di samping aktiviti pelaburan yang mampan dan eksport yang dijangka memberi dorongan tambahan kepada pertumbuhan. Asas-asas ekonomi terus menyokong pertumbuhan ekonomi dalam negeri, termasuk kadar pengangguran yang rendah dan lebihan akaun semasa dalamimbangan pembayaran.

Menjelang tahun 2019, inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat disebabkan terutamanya oleh harga minyak global yang dijangka lebih tinggi dan pengapungan harga bahan api dalam negeri. Inflasi asas, yang tidak mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, dijangka terus dibendung dengan tekanan permintaan yang sederhana.

Risiko kepada prospek pertumbuhan global terus meningkat, dan boleh memberikan kesan kepada ekonomi dalam negeri. Hal ini termasuk kemungkinan ketegangan perdagangan terus meruncing; kesan limpahan kepada ekonomi sedang pesat membangun dalam persekitaran pasaran kewangan antarabangsa yang semakin tidak menentu dan pengembalian dasar monetari ke paras yang lebih wajar pada kadar yang lebih cepat oleh ekonomi maju. Di dalam negeri, risiko masih wujud berikutan kemungkinan kelemahan yang berpanjangan dalam sektor perlombongan dan pertanian.

Sejajar dengan ekonomi serantau, pasaran kewangan domestik terus mengalami aliran keluar portfolio bukan pemastautin akibat perkembangan global. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan kekal teratur dengan keadaan monetari dan kewangan domestik terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Kadar pertukaran yang fleksibel memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan untuk ekonomi dalam negeri. Sektor kewangan kekal teguh dengan institusi kewangan beroperasi berlandaskan penampunan modal dan mudah tunai yang kukuh. Operasi monetari akan terus memastikan supaya mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong pasaran wang dan pasaran pertukaran asing serta aktiviti pengantaraan supaya berfungsi dengan teratur.

## Sorotan dasar lain pada suku ketiga 2018

Berikutan kemajuan pesat dalam teknologi, disertai kemajuan inovasi produk oleh institusi kewangan, Bank telah mengeluarkan satu draf cadangan mengenai Pengurusan Risiko dalam Teknologi. Draft cadangan ini menyediakan asas untuk pembangunan program pengurusan risiko teknologi yang berkesan, yang diperlukan untuk menilai dan mengurangkan risiko yang dikenal pasti dalam sistem teknologi. Draft ini bertujuan membantu institusi kewangan menguruskan risiko teknologi dengan lebih mantap dan memperkukuh daya tahan teknologi.

Bank telah memperhalusi cadangan mengenai Penyumberan Luar dengan mengambil kira maklum balas yang diterima pada perundingan pusingan pertama yang dijalankan pada tahun 2017. Memandangkan terdapat perubahan ketara pada keperluan tersebut, Bank telah mengeluarkan draf cadangan kedua mengenai Penyumberan Luar pada bulan September 2018 untuk perundingan pusingan kedua selama tempoh sebulan. Maklum balas yang diterima kini sedang dinilai dan hasilnya akan dirangkumkan dalam dokumen akhir yang dijangka keluar menjelang akhir tahun 2018.

Bank telah mengeluarkan tiga dokumen perundingan untuk memudahkan penerapan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based

Intermediation, VBI) dari segi praktikal. Garis Panduan Pelaksanaan VBI memberikan contoh amalan perbankan yang menggambarkan teras dasar VBI dan menyerlahkan cabaran utama pelaksanaan bersama-sama dengan penyelesaian yang dicadangkan. Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan VBI (VBI Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF)<sup>8</sup> bertujuan memudahkan pelaksanaan sistem pengurusan risiko berasaskan impak untuk menilai aktiviti pembiayaan dan pelaburan institusi perbankan Islam seiring dengan komitmen VBI masing-masing. Kad Skor VBI<sup>9</sup> pula merangkumi komponen penilaian utama dan cadangan metodologi pengukuran untuk menilai prestasi institusi perbankan Islam yang melaksanakan agenda VBI.

Bank telah melanjutkan tempoh pemerhatian untuk pelaporan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) selama setahun hingga 31 Disember 2019. Sepanjang tempoh pemerhatian yang dilanjutkan itu, Bank akan melaksanakan penilaian selanjutnya untuk mengesahkan kematangan dan kekukuhan amalan mudah tunai dan pendanaan oleh bank-bank. Pada masa ini, semua bank mengekalkan penampakan mudah tunai yang mencukupi terhadap tekanan mudah tunai jangka pendek, dan kebanyakan bank sudah pun melaporkan paras NSFR yang melebihi minimum 100% berdasarkan data pemerhatian.

<sup>8</sup> Kertas dirumuskan secara bersama dengan Bank Dunia dan INCEIF.

<sup>9</sup> Kertas dirumuskan secara bersama dengan Global Alliance for Banking on Values.

# Tinjauan Makroekonomi

## SOROTAN PENTING

- Ekonomi global akan berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada suku keempat tahun 2018. Pada tahun 2019, pertumbuhan global dijangka kekal mampan.
- Ekonomi Malaysia akan terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil pada tahun 2018.
- Inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat pada masa hadapan disebabkan terutamanya oleh harga minyak global yang dijangka lebih tinggi dan pengapungan harga bahan api dalam negeri.

### Momentum pertumbuhan global semakin sederhana pada suku keempat tahun 2018, dengan prestasi yang mampan pada tahun 2019


Momentum pertumbuhan global diunjurkan menjadi sederhana pada suku keempat tahun 2018 di tengah-tengah ketegangan perdagangan yang semakin meruncing dan keadaan kewangan yang semakin ketat dalam kalangan beberapa ekonomi pasaran sedang pesat membangun. Melangkah ke hadapan, ekonomi global dijangka berkembang pada kadar yang stabil pada tahun 2019.

Pengembangan global akan terus disokong sebahagian besarnya oleh ekonomi maju, terutamanya AS. Pertumbuhan dalam ekonomi yang sedang pesat membangun (emerging market economies, EME) terpilih akan memberikan kesan ke atas aktiviti perdagangan yang lebih perlahan di tengah-tengah permintaan dalam negeri yang stabil. Kelemahan yang khusus pada sesebuah negara dan keadaan kewangan dalam negeri yang lebih ketat juga akan menjejaskan prospek pertumbuhan beberapa EME.

Dalam ekonomi maju, keadaan pasaran pekerja yang kukuh akan menyokong penggunaan swasta. Di AS, kesan daripada dasar fiskal yang mengembang yang diperkenalkan pada tahun 2017

### Pertumbuhan global dijangka terus berkembang pada tahun 2019

Rajah 27: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (Oktober 2018)

dan 2018 akan terus menyokong perbelanjaan perniagaan yang teguh bagi tempoh selanjutnya pada tahun ini, tetapi dijangka menyusut pada 2019. Sementara itu, aktiviti pelaburan di kawasan Euro dijangka sederhana, dalam keadaan pelaburan berkaitan dengan pembinaan kembali ke paras yang wajar.

Pertumbuhan di rantau Asia dijangka lebih sederhana. Secara khususnya, pertumbuhan RR China dijangka lebih perlahan, mencerminkan pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan di negara itu. Kitaran perdagangan global yang semakin normal serta tarif yang lebih tinggi terhadap eksportnya ke AS akan memberikan kesan ke atas eksport RR China. Di sesetengah ekonomi Asia, langkah-langkah fiskal yang bersifat pengembangan dijangka merangsang perbelanjaan infrastruktur dan guna tenaga yang lebih tinggi.

Pada masa hadapan, risiko pertumbuhan global menjadi perlahan terus tinggi. Ketegangan perdagangan yang terus meruncing berkemungkinan menjejaskan pertumbuhan dan perdagangan global. Perkembangan terkini menunjukkan ketegangan perdagangan mungkin berterusan pada suku-suku yang akan datang, berikutan pengumuman oleh pentadbiran AS mengenai kenaikan tarif selanjutnya kepada 25% daripada 10% ke atas import bernilai USD200 bilion dari RR China berkuat kuasa bulan Januari 2019. Kenaikan tarif seterusnya ke atas produk RR China bernilai USD267 bilion juga telah dicadangkan, sekiranya RR China melakukan tindakan balas.

Risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan juga disebabkan oleh pengembalian dasar monetari ke tahap yang wajar yang berterusan dalam kalangan ekonomi maju, terutamanya AS. Dalam keadaan tekanan inflasi yang meningkat, kadar kenaikan faedah yang lebih cepat daripada jangkaan berpotensi mempercepat aliran keluar

modal daripada ekonomi yang sedang pesat membangun, lantas meningkatkan lagi risiko terhadap prospek ekonomi global. Dengan mengambil kira peningkatan risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan, pasaran kewangan antarabangsa dijangka terus mengalami volatiliti pada masa hadapan.

### **Ekonomi Malaysia kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil pada tahun 2018**

Meskipun ketegangan perdagangan global yang meningkat dan keadaan kewangan yang lebih ketat, ekonomi Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan yang mampan pada suku ketiga 2018.

Bagi tempoh selanjutnya pada tahun 2018, pertumbuhan dijangka bertambah baik dan mendapat manfaat daripada pemulihan secara beransur-ansur dalam pengeluaran komoditi. Bagi sektor luaran, pengeluaran komoditi yang lebih tinggi akan memberi sokongan kepada peningkatan eksport komoditi. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih sederhana, disebabkan oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih perlahan. Menjelang tahun 2019, prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terus didorong oleh aktiviti sektor swasta dalam keadaan rasionalisasi perbelanjaan sektor awam yang berterusan, terutamanya pelaburan awam oleh syarikat-syarikat awam. Eksport dijangka sederhana tetapi disokong oleh permintaan daripada rakan perdagangan utama dan pemulihan eksport komoditi secara beransur-ansur.

Risiko kepada pertumbuhan terus cenderung ke arah penurunan. Hal ini berpunca terutamanya daripada gangguan penawaran yang berterusan lebih daripada yang dijangka di sektor komoditi dan potensi peningkatan ketegangan perdagangan antara AS dan RR China.


**Walaupun inflasi keseluruhan diunjurkan rendah pada tahun 2018, inflasi diunjurkan meningkat pada masa hadapan disebabkan terutamanya oleh harga minyak global yang dijangka lebih tinggi dan pengapungan harga bahan api dalam negeri**

Inflasi keseluruhan dijangka mencatatkan kadar purata tahunan yang rendah pada 2018, sebahagian besarnya mencerminkan kesan pelaksanaan GST pada kadar sifar dan sumbangan yang lebih rendah daripada harga minyak dalam negeri. Pada masa hadapan, inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat disebabkan terutamanya oleh harga minyak global yang dijangka lebih tinggi dan pengapungan harga bahan api dalam negeri pada S2 2019. Meskipun kesan dasar cukai penggunaan akan menyumbang kepada kenaikan inflasi keseluruhan pada tahun 2019, kesan itu akan luput menjelang akhir tahun tersebut.

Inflasi asas, yang tidak mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, dijangka terus dibendung berikutan tekanan permintaan yang sederhana.

**Penunjuk sentimen terus meningkat pada S3 2018**

Rajah 28: Indeks Sentimen Pengguna dan Keadaan Perniagaan MIER



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)



2

Rencana

## Ketegangan Perdagangan yang Semakin Meruncing dan Potensi Kesan Limpahan kepada Malaysia

Oleh: Muhamad Aizuddin, Lim Boon Seong, Daryl Yong, Chang Wen Hwei, Rantai ak Naga, Ooi Kiesha, Catharine Kho

### SOROTAN PENTING

- Pelaksanaan tarif yang lebih tinggi di Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini ke atas import tambahan bernilai USD200 bilion dari Republik Rakyat China (RR China) telah menimbulkan kebimbangan tentang bagaimana ketegangan perdagangan yang semakin meruncing boleh memberi kesan terhadap pertumbuhan dan perdagangan global.
- Tindakan perdagangan ini menimbulkan risiko buruk terhadap pertumbuhan, tetapi boleh membuka peluang untuk destinasi perdagangan beralih arah ke Malaysia, terutamanya dalam sektor perkilangan.
- Malaysia perlu terus mengambil pendirian yang pragmatik berkaitan dasar perdagangan terbuka dengan meluaskan hubungan perdagangannya, di samping memastikan dasar dalam negeri terus menyokong pertumbuhan ekonomi.

Ketegangan perdagangan antara AS dengan RR China, yang bermula pada suku pertama 2018, menjadi semakin meruncing apabila AS mengenakan tarif yang lebih tinggi ke atas import dari RR China yang bernilai USD200 bilion pada bulan September 2018. Hasrat AS untuk terus mengenakan tindakan perdagangan terhadap RR China dan ekonomi utama lain, serta kesan limpahannya ke seluruh dunia perlu mendapat perhatian yang wajar, terutamanya dalam suasana prospek pertumbuhan global yang terus sederhana. Rencana ini memberikan satu penilaian terkini berhubung kesan yang akan diterima akibat tindakan perdagangan yang semakin meningkat terhadap ekonomi global dan Malaysia (lihat rencana bertajuk 'Pertikaian Perdagangan: Implikasi terhadap Perdagangan dan Pelaburan' dalam Buletin Suku Tahunan BNM Suku Pertama Tahun 2018).

### Tindakan Perdagangan Terdahulu

Tindakan perdagangan AS bermula sejak bulan Mac 2018, apabila AS mengenakan tarif yang menyeluruh ke atas import panel solar, keluli dan aluminium masing-masing sebanyak 30%, 25% dan 10%. Sejak itu, produk dan negara yang terjejas akibat tarif yang semakin meluas, dan kuantiti barangan yang tertakluk pada tarif AS yang lebih tinggi telah bertambah. Pada bulan Jun 2018, pengecualian tarif keluli dan aluminium kepada negara-negara sekutu utama AS dibiarkan luput. Tarif ini dahulunya diberikan oleh AS kepada sekutu utamanya, termasuk Kanada, Mexico dan Kesatuan Eropah (EU). Sebagai tindak balas, negara-negara yang terjejas menaikkan tarif mereka terhadap import AS. Pada bulan Julai, AS menggunakan Seksyen 301 untuk mengenakan tarif, terutamanya ke atas import berkaitan teknologi bernilai USD50 bilion dari RR China.

## Perkembangan Terkini

Baru-baru ini, pada 24 September 2018, AS mengenakan tarif yang lebih tinggi ke atas lebih 5,700 produk bernilai USD200 bilion dari RR China. Barangan tersebut tertakluk kepada tarif 10% lebih tinggi, dan seterusnya akan dinaikkan sehingga 25% pada 1 Januari 2019. AS juga menimbang untuk mengenakan tarif tambahan sebanyak USD267 bilion sekiranya RR China memberikan tindak balas. RR China bertindak balas dengan menaikkan tarif sebanyak 5 - 10% ke atas import bernilai USD60 bilion dari AS. Tarif RR China dijangka dinaikkan kepada 5 - 25% pada tahun 2019.

Pada bulan Mei 2018, AS juga mengumumkan cadangan untuk menaikkan tarif ke atas semua kereta import. Cadangan ini ditentang hebat oleh rakan perdagangan utama AS, khususnya EU. Meskipun selepas itu AS dan EU telah mengadakan dialog untuk menanggukkan kenaikan tarif ini, ketegangan perdagangan berpotensi untuk mencetuskan ketidaktentuan, sehingga suatu perjanjian perdagangan dimeterai secara rasmi. Senarai ringkas gabungan tindakan perdagangan terdahulu dan tindakan yang bakal dilaksanakan diberikan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Butiran Tindakan Perdagangan**

Tindakan Perdagangan	AS	RR China	Ekonomi Utama Lain
<b>Sedang Dilaksanakan</b>			
<b>Tahap 1 Jan – Mac 2018</b>	<b>Tarif yang menyeluruh</b> • Panel solar (+ 30%) • Keluli (+ 25%) • Aluminium (+ 10%)		<b>Tindakan balas (Kanada, Mexico dan EU)<sup>1</sup></b> • +10 hingga 25% ke atas import bernilai USD3-13 bilion dari AS
<b>Tahap 2 Mac - Jul 2018</b>	<b>Tarif sasaran</b> • +25% ke atas import bernilai USD50 bilion dari RR China	<b>Tindakan balas</b> • +25% ke atas import bernilai USD50 bilion dari AS	
<b>Tahap 3 Jul - Sep 2018</b>	<b>Tarif sasaran</b> • +10% ke atas import bernilai USD200 bilion dari RR China	<b>Tindakan balas</b> • +5 hingga 10% ke atas import bernilai USD60 bilion dari AS	
<b>Bakal Dilaksanakan</b>			
<b>Tahap 3 Jan 2019</b>	<b>Tarif sasaran</b> • + 25% ke atas semua baki import bernilai USD200 bilion dari RR China	<b>Tindakan balas<sup>2</sup></b> • +5 hingga 25% ke atas import bernilai USD 60 bilion dari AS	
<b>Potensi Kenaikan Ketegangan</b>			
<b>Baki semua perdagangan dua hala antara AS dengan RR China</b>	<b>Tarif sasaran</b> • Baki import bernilai USD267 bilion dari RR China	<b>Tindakan balas</b> • Baki import bernilai USD150 bilion dari AS	
<b>Tarif yang menyeluruh ke atas ke atas kereta dan alat ganti</b>	<b>Tarif yang menyeluruh</b> • Kereta dan alat ganti		<b>Tindakan balas</b> • Semua kereta dan alat ganti import dari AS

<sup>1</sup> Pelaksanaan tarif tindakan balas apabila pengecualian tarif keluli dan aluminium kepada negara-negara sekutu AS dibiarkan luput pada bulan Jun 2018.

<sup>2</sup> Berdasarkan pengumuman pada bulan Ogos 2018.

Sumber: US Trade Representative Office, Kementerian Perdagangan RR China, laporan berita, dan anggaran BNM

## Impak ke atas Ekonomi Global


Impak tindakan perdagangan ini ke atas KDNK dan perdagangan global dianalisis melalui saluran perdagangan dan pelaburan (sila rujuk rencana bertajuk ‘Pertikaian Perdagangan: Implikasi terhadap Perdagangan dan Pelaburan’ dalam Buletin Suku Tahunan BNM Suku Pertama Tahun 2018 untuk butiran metodologi).

Tindakan perdagangan yang telah dilaksanakan (Tahap 1, 2 dan 3 dalam Jadual 1) dijangka boleh menyebabkan pertumbuhan global tahunan berkurang sebanyak 0.3 mata peratusan<sup>1</sup> (Rajah 1). Bahagian terbesar impak tersebut akan jelas kelihatan pada tahun 2019 berdasarkan tempoh masa pelaksanaan tarif. Pengurangan ini disebabkan terutamanya oleh pelaksanaan tarif ke atas barangan bernilai USD200 bilion oleh AS baru-baru ini, dan tindakan balas oleh RR China yang menyusul kemudian.

Memandangkan ketegangan perdagangan ini berpotensi menjadi semakin meruncing susulan pengumuman lebih banyak tarif oleh AS, anggaran impak daripada dua senario risiko yang boleh menjejaskan pertumbuhan dan perdagangan global telah dibuat:

- 1) + 25% tarif yang lebih tinggi oleh AS ke atas baki import bernilai USD267 bilion dari RR China, dan tindakan balas oleh RR China<sup>2</sup>; dan
- 2) Tarif yang menyeluruh ke atas kereta dan alat ganti oleh AS, dan diikuti oleh tindakan balas daripada negara yang terjejas

**Rajah 1: Anggaran Impak Tindakan Perdagangan Terhadap Pertumbuhan dan Perdagangan Global**




Sumber: Anggaran BNM

Risiko yang menjejaskan pertumbuhan dan perdagangan global akan menjadi lebih teruk sekiranya ketegangan perdagangan terus meningkat. Dalam senario kenaikan tarif yang merangkumi semua baki perdagangan antara AS dengan RR China, pertumbuhan dan perdagangan global dianggarkan lebih rendah dengan tambahan masing-masing sebanyak 0.2 mata peratusan dan 0.3 mata peratusan setiap tahun (Rajah 1). Jika jumlah ini digabungkan dengan tarif yang menyeluruh ke atas semua import kereta oleh AS, pertumbuhan dan perdagangan global dijangka terjejas, masing-masing sebanyak 0.8 mata peratusan dan 1.1 mata peratusan. Keadaan ini boleh dianggap sebagai salah satu kejutan besar terhadap ekonomi global dalam tempoh dua dekad yang lalu (Rajah 2).

<sup>1</sup> Impak ke atas pertumbuhan global pada tahun 2018 dan 2019 masing-masing sebanyak -0.02 mata peratusan dan -0.26 mata peratusan.

<sup>2</sup> Memandangkan nilai jumlah import RR China dari AS (USD150 bilion) kurang daripada nilai jumlah import AS dari RR China (USD505 bilion), dijangka tindakan balas perdagangan oleh RR China adalah melalui pelarasan kadar tarif bagi memadamkan kesan tindakan perdagangan oleh AS terhadapnya.

Rajah 2: Pertumbuhan KDNK dan Perdagangan Global Jangka Panjang



Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (Oktober 2018), dan anggaran BNM

### Impak ke atas Ekonomi Malaysia

Sebagai ekonomi terbuka yang kecil, Malaysia tidak dapat mengelak daripada impak ketegangan perdagangan global yang semakin meruncing. Impak ketegangan perdagangan ke atas ekonomi boleh dinilai melalui saluran perdagangan, pendapatan dan pelaburan. Dengan jumlah perdagangan sebanyak 131% daripada KDNK<sup>3</sup>, Malaysia dijangka terjejas terutamanya melalui saluran perdagangan.


Eksport Malaysia dijangka menerima kesan secara langsung melalui permintaan yang lebih rendah daripada negara yang terjejas dan secara tidak langsung melalui pengeluaran yang lebih perlahan dalam rantaian nilai global. Langkah-langkah perlindungan perdagangan yang dilaksanakan sejak awal tahun 2018 dijangka menjejaskan eksport kasar sebanyak 0.6 - 1.0 mata peratusan. Hal ini terutamanya mencerminkan permintaan akhir yang lebih rendah dari RR China, AS dan EU, yang mencakupi 38.4% permintaan akhir bagi eksport Malaysia. Jika ketegangan perdagangan terus menjadi semakin meruncing, risiko pertumbuhan eksport dijangka lebih teruk. Sekiranya kedua-dua risiko penurunan ini menjadi kenyataan, impak keseluruhan terhadap pertumbuhan eksport Malaysia boleh berkurang sebanyak 1.8 - 2.7 mata peratusan.

Kegiatan perdagangan Malaysia yang menurun dijangka turut memberi kesan limpahan terhadap ekonomi dalam negeri. Khususnya, keadaan ini dijangka menjejaskan perbelanjaan sektor swasta, terutamanya melalui saluran pendapatan dan pelaburan. Bagi para pekerja, terutamanya dalam industri yang berorientasikan eksport, pertumbuhan eksport yang sederhana dijangka menjejaskan peluang pekerjaan dan pendapatan dengan teruk, seterusnya mengurangkan perbelanjaan isi rumah. Pesanan dan hasil eksport yang lebih rendah juga akan memberi kesan negatif kepada keuntungan firma. Akibatnya, keperluan dan keupayaan firma untuk melabur dalam pengembangan kapasiti mengalami kekangan, lantas mengurangkan kegiatan pelaburan swasta untuk tahun itu.

<sup>3</sup> Pada tahun 2017

Dengan mengambil kira semua aspek semasa, ketegangan perdagangan yang semakin meruncing dijangka menjejaskan KDNK Malaysia pada tahun 2019 sebanyak 0.3 - 0.5 mata peratusan (Rajah 3). Walau bagaimanapun, impak keseluruhan terhadap pertumbuhan boleh menyebabkan pengurangan sebanyak 1.3 - 1.5 mata peratusan sekiranya kedua-dua risiko tersebut menjadi kenyataan. Penting juga untuk diberi perhatian bahawa persengketaan perdagangan yang semakin merebak boleh meningkatkan volatiliti pasaran kewangan global dan domestik, seterusnya menimbulkan rintangan tambahan terhadap pertumbuhan.

**Rajah 3: Anggaran Impak Ketegangan Perdagangan Terhadap Pertumbuhan KDNK Malaysia**



Sumber: Anggaran BNM

### **Potensi Malaysia untuk memperoleh manfaat daripada peluang penggantian perdagangan**

Namun begitu, wujud potensi beberapa kesan pengimbangan. Seseengah negara serantau bakal memperoleh manfaat daripada potensi lencongan arah perdagangan dari RR China. Negara-negara tersebut termasuk Malaysia, Thailand, Indonesia dan Vietnam. Secara kolektif, potensi lencongan arah import AS dari RR China ke negara lain dianggarkan berjumlah sehingga USD140 bilion<sup>4</sup>. Walaupun negara-negara ini secara individu berpotensi untuk mencatat pertumbuhan eksport yang lebih tinggi, hal ini tidak dapat mengimbangi sepenuhnya kesan pertumbuhan global yang lebih rendah terhadap kegiatan perdagangan.


Daripada jumlah ini, Malaysia berpotensi untuk memperoleh manfaat daripada penggantian perdagangan dengan anggaran sehingga USD970 juta<sup>5</sup>. Ini termasuk produk Malaysia yang sudah pun mendapat tempat di AS (ditakrifkan sebagai eksport dari Malaysia yang menyumbang sekurang-kurangnya 5% daripada pasaran AS), dan mempunyai keupayaan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Produk yang dijangka memberi manfaat untuk Malaysia kebanyakannya dalam industri E&E, seperti mesin elektrik, litar bersepadu elektronik dan separa konduktor untuk sel panel solar (Rajah 4).

Manfaat daripada lencongan arah perdagangan boleh mengurangkan impak negatif ketegangan perdagangan terhadap pertumbuhan eksport kasar Malaysia pada tahun 2019, sebanyak kira-kira 0.1 - 0.4 mata peratusan. Keadaan ini seterusnya akan memberi manfaat kepada perbelanjaan sektor swasta, lantas berpotensi mengurangkan kesan akibat permintaan domestik dan pertumbuhan KDNK yang menjadi sederhana.

<sup>4</sup> Dianggarkan menggunakan keanjalan permintaan import AS untuk barangan dari RR China yang dikenakan tarif. Keanjalan yang digunakan adalah berdasarkan metodologi yang dibangunkan oleh Kee, Niccita & Olarreaga (2008), "Import Demand Elasticities and Trade Distortions". Produk yang mempunyai keanjalan lebih tinggi menunjukkan kemungkinan besar akan beralih arah dari RR China, tertakluk kepada beberapa keadaan (misalnya kemampuan negara lain untuk menyerap permintaan yang lebih tinggi).

<sup>5</sup> Lencongan arah perdagangan ke Malaysia telah diselaraskan dengan mengambil kira kekangan penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan.

Rajah 4: Eksport Malaysia ke AS: Potensi untuk Memperoleh Manfaat daripada Penggantian Perdagangan



Nota: Saiz gelembung mencerminkan potensi peningkatan dalam nilai eksport. Bagi memudahkan pemahaman, rajah hanya menunjukkan produk import AS yang sekarang-kurangnya 5% daripada import tersebut diperolehi dari Malaysia.

Sumber: ITC Trade Map, Global Trade Atlas, dan anggaran BNM

### Bukti anekdot daripada firma

Secara keseluruhan, impak ketegangan perdagangan dua hala ke atas prestasi eksport Malaysia sebahagian besarnya bergantung pada kebolehgantian produk yang terjejas, kekangan kapasiti perkilangan dan tawaran nilai firma Malaysia. Dapatan daripada interaksi dan perbincangan Bank Negara Malaysia (BNM)<sup>6</sup> dengan pihak industri mengesahkan bahawa beberapa syarikat tempatan dalam industri E&E telah memperoleh manfaat daripada pesanan yang meningkat daripada AS, berikutan terdapatnya syarikat yang menukar pesanan daripada RR China kepada Malaysia untuk mengelak tarif yang tinggi terhadap import RR China.

Walau bagaimanapun, kekangan kapasiti perkilangan boleh menghadkan potensi keuntungan penggantian ini bagi syarikat-syarikat tersebut. Kekangan pengeluaran boleh menyebabkan pesanan bagi pasaran eksport lain untuk beralih arah ke pusat pengeluaran yang berbeza dalam rantai nilai global. Hal ini telah dilaporkan oleh beberapa syarikat subsidiari firma multinasional tempatan yang hanya mencatat peningkatan kecil dalam jumlah eksport walaupun berlaku lencongan arah perdagangan.

Sebaliknya, firma yang terjejas akibat tarif yang menyeluruh telah melaporkan mereka mengalami impak yang neutral ataupun negatif yang sederhana. Sesetengah pengilang produk keluli tempatan telah berhenti mengeksport ke AS berikutan tarif yang menyeluruh ke atas import keluli oleh AS. Sementara itu, pengilang panel dan komponen solar melaporkan bahawa tarif yang menyeluruh ke atas panel solar oleh AS tidak menjejaskan jumlah eksport dan pengeluaran mereka kerana permintaan yang kukuh.

<sup>6</sup> Dijalankan oleh pasukan Pengawasan Ekonomi Wilayah BNM

## Kesimpulan dan Strategi Dasar

Liputan produk yang dikenakan tarif yang semakin meluas dan disusuli oleh tindakan balas selanjutnya boleh menyebabkan ketegangan perdagangan semasa semakin meruncing. Hal ini boleh mencetus perang perdagangan global yang tidak mungkin ada pemenangnya. Keadaan ini boleh berlaku memandangkan kesalinghubungan perdagangan yang kukuh antara negara dalam landskap global semasa. Ekonomi yang terjejas oleh tindakan perdagangan ini bukan sahaja akan menghadapi prospek pertumbuhan yang semakin lemah melalui perdagangan yang merosot, tetapi juga melalui volatiliti yang tinggi dalam pasaran kewangan, yang boleh memburukkan lagi impak ketegangan perdagangan terhadap pertumbuhan.

Dalam persekitaran global semasa yang sangat tidak menentu ini, strategi dasar yang tegas dan tepat pada masanya menjadi penting demi memastikan Malaysia kekal berdaya tahan serta berada pada kedudukan yang baik untuk memperoleh manfaat serta dapat mengurangkan risiko yang berpunca daripada dasar perdagangannya yang terbuka. Pertama, reformasi struktur bagi meningkatkan fleksibiliti ejen ekonomi untuk bertindak balas terhadap kejutan luaran perlu terus dilaksanakan. Hal ini termasuk menggalakkan industri nilai ditambah yang tinggi, mempelbagaikan produk dan pasaran eksport, meningkatkan fleksibiliti pasaran pekerja, di samping menarik minat pelaburan berkualiti yang akan meningkatkan kepelbagaian ekonomi secara keseluruhan dan mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi.

Kedua, kedudukan Malaysia dalam rantaian nilai global perlu dikaji semula bagi memanfaatkan peluang untuk mengembangkan dan memperkukuh peranannya dalam ekosistem global. Ketiga, Malaysia perlu terus berusaha secara proaktif untuk mewujudkan pakatan perdagangan pelbagai hala dan dua hala dengan ekonomi lain. Yang penting, strategi dasar ini akan menyumbang ke arah memperkukuh daya tahan dan keupayaan ekonomi Malaysia menghadapi masa hadapan.



Tambahan



Jadual 1

**KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)**

	Bahagian 2017 (%)	2017		2018		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	92.2	6.6	6.2	4.1	5.6	6.9
Sektor Swasta	71.1	7.3	7.4	5.2	7.5	8.5
<i>Penggunaan</i>	53.7	7.2	7.0	6.9	8.0	9.0
<i>Pelaburan</i>	17.4	7.9	9.2	0.5	6.1	6.9
Sektor Awam	21.0	4.0	3.4	-0.1	-1.4	1.1
<i>Penggunaan</i>	13.0	3.9	6.8	0.4	3.1	5.2
<i>Pelaburan</i>	8.0	4.1	-1.4	-1.0	-9.8	-5.5
Eksport Bersih	7.7	2.0	2.3	62.4	1.7	-7.5
<i>Eksport Barangan dan Perkhidmatan</i>	72.8	11.8	6.7	3.7	2.0	-0.8
<i>Import Barangan dan Perkhidmatan</i>	65.1	13.3	7.3	-2.0	2.1	0.1
<b>KDNK</b>	<b>100.0</b>	<b>6.2</b>	<b>5.9</b>	<b>5.4</b>	<b>4.5</b>	<b>4.4</b>
<b>KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)</b>	<b>-</b>	<b>1.7</b>	<b>1.0</b>	<b>1.4</b>	<b>0.3</b>	<b>1.6</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2

**KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)**

Perubahan tahunan (%)	Bahagian 2017 (%)	2017		2018		
		S3	S4	S1	S2	S3
Perkhidmatan	54.5	6.5	6.2	6.5	6.5	7.2
Perkilangan	23.0	7.0	5.4	5.3	4.9	5.0
Perlombongan	8.4	3.0	-0.3	0.1	-2.2	-4.6
Pertanian	8.2	4.1	10.7	2.8	-2.5	-1.4
Pembinaan	4.6	6.1	5.9	4.9	4.7	4.6
<b>KDNK Benar</b>	<b>100.0<sup>1</sup></b>	<b>6.2</b>	<b>5.9</b>	<b>5.4</b>	<b>4.5</b>	<b>4.4</b>

<sup>1</sup> Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3

**Akaun Perdagangan**

	Bahagian 2017 (%)	2017		2018		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
<b>Eksport Kasar</b>	<b>100.0</b>	<b>21.8</b>	<b>12.3</b>	<b>5.5</b>	<b>8.3</b>	<b>5.2</b>
Perkilangan	81.9	23.1	13.8	8.3	10.7	7.4
<i>E&amp;E</i>	36.7	21.7	14.7	11.8	9.8	10.7
<i>Bukan E&amp;E</i>	45.2	24.3	13.1	5.6	11.4	4.7
<i>Berasaskan sumber</i>	23.0	22.2	9.8	0.9	8.7	4.3
<i>Bukan berasaskan sumber</i>	22.2	26.5	16.6	10.6	14.3	5.0
Komoditi	17.1	13.6	5.0	-6.1	-3.8	-3.0
<i>Pertanian</i>	8.4	3.3	-2.2	-9.9	-15.2	-15.4
<i>Mineral</i>	8.8	26.2	12.3	-2.5	8.1	9.3
<b>Import Kasar</b>	<b>100.0</b>	<b>19.6</b>	<b>14.4</b>	<b>-0.7</b>	<b>8.5</b>	<b>6.3</b>
Barangan pengantara	57.3	20.9	9.1	-10.5	-4.7	-1.5
Barangan modal	13.8	2.8	19.3	-13.0	11.7	1.1
Barangan penggunaan	8.5	14.9	4.7	2.3	-2.8	5.5
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	20.4	32.0	30.8	37.6	51.6	32.0
<b>Imbangan perdagangan (RM bilion)</b>	<b>-</b>	<b>26.3</b>	<b>27.3</b>	<b>33.4</b>	<b>27.1</b>	<b>25.2</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4

**Destinasi Eksport Malaysia**

	Bahagian 2017 (%)	2017		2018		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
<b>Kesatuan Eropah (EU)</b>	<b>10.2</b>	<b>23.6</b>	<b>11.0</b>	<b>5.2</b>	<b>12.2</b>	<b>-1.3</b>
<b>Jepun</b>	<b>8.1</b>	<b>18.0</b>	<b>11.0</b>	<b>-6.8</b>	<b>-9.1</b>	<b>-17.0</b>
<b>Amerika Syarikat</b>	<b>9.5</b>	<b>13.2</b>	<b>7.8</b>	<b>3.7</b>	<b>-2.0</b>	<b>1.5</b>
<b>ASEAN<sup>1</sup></b>	<b>29.1</b>	<b>19.3</b>	<b>11.3</b>	<b>1.9</b>	<b>5.7</b>	<b>2.6</b>
<b>Timur Laut Asia</b>	<b>24.2</b>	<b>27.0</b>	<b>21.7</b>	<b>22.0</b>	<b>29.1</b>	<b>26.1</b>
<i>Republik Rakyat China</i>	13.5	25.5	11.3	0.2	15.6	12.4
<i>Hong Kong SAR</i>	5.1	30.8	51.2	82.8	67.5	60.5
<i>Korea</i>	3.1	40.3	36.6	28.4	21.4	23.1
<i>China Taipei</i>	2.6	16.0	8.1	21.9	38.8	33.6
<b>Asia Barat<sup>2</sup></b>	<b>2.7</b>	<b>22.2</b>	<b>1.6</b>	<b>-11.8</b>	<b>-9.1</b>	<b>-1.5</b>
<b>India</b>	<b>3.7</b>	<b>8.9</b>	<b>-5.3</b>	<b>9.9</b>	<b>-2.1</b>	<b>1.6</b>
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>100.0</b>	<b>21.8</b>	<b>12.3</b>	<b>5.5</b>	<b>8.3</b>	<b>5.2</b>

<sup>1</sup> Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam, Vietnam, Kemboja, Myanmar dan Laos

<sup>2</sup> Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestine, Yaman dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5

**Imbangan Pembayaran<sup>1</sup>**

	2017		2018		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
<b>Akaun Semasa</b>	<b>12.8</b>	<b>13.9</b>	<b>15.0</b>	<b>3.9</b>	<b>3.8</b>
(% daripada PNK)	3.8	4.0	4.5	1.2	1.1
Barangan	31.7	34.1	35.7	26.1	26.6
Perkhidmatan	-4.8	-7.0	-5.8	-6.2	-3.3
Pendapatan Primer	-9.6	-8.4	-10.2	-11.2	-15.0
Pendapatan Sekunder	-4.4	-4.8	-4.7	-4.7	-4.5
<b>Akaun Kewangan</b>	<b>-2.8</b>	<b>6.0</b>	<b>15.2</b>	<b>9.2</b>	<b>-0.2</b>
Pelaburan langsung	8.8	5.3	10.7	-0.7	0.06
<i>Aset</i>	-6.7	-0.6	-3.1	-3.2	-5.8
<i>Liabiliti</i>	15.4	5.9	13.8	2.5	5.8
Pelaburan Portfolio	-9.1	11.6	-2.6	-38.3	0.6
<i>Aset</i>	-8.2	3.5	-10.5	-1.0	4.3
<i>Liabiliti</i>	-0.9	8.1	7.9	-37.2	-3.6
Derivatif Kewangan	1.0	-1.5	0.8	-0.2	0.3
Pelaburan lain	-3.5	-9.5	6.4	48.4	-0.8
Kesilapan dan ketinggalan <sup>2</sup>	-3.8	-17.7	-12.0	-13.9	-7.4
<b>Imbangan Keseluruhan</b>	<b>6.2</b>	<b>2.1</b>	<b>18.2</b>	<b>-0.9</b>	<b>-3.4</b>

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin

Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing

<sup>1</sup> Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

<sup>2</sup> Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa hasil daripada penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasikan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 6

**Hutang Luar Negeri Terkumpul**

	2017	2018	
	akhir-Sep	akhir-Jun	akhir-Sep
	RM bilion		
<b>Jumlah hutang luar negeri</b>	<b>874.4</b>	<b>936.5</b>	<b>947.9</b>
<i>Bersamaan dengan USD bilion</i>	204.8	229.2	226.4
<b>Mengikut instrumen</b>			
Bon dan nota <sup>1</sup>	156.9	145.8	149.8
Peminjaman antara bank <sup>1</sup>	170.4	222.2	210.8
Pinjaman antara syarikat <sup>1</sup>	131.9	129.8	132.1
Pinjaman <sup>1</sup>	39.0	88.6	92.1
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	199.8	185.1	183.9
Deposit bukan pemastautin	90.8	85.6	94.9
Lain-lain <sup>2</sup>	85.5	79.2	84.2
<b>Profil tempoh matang</b>			
Jangka sederhana dan panjang	494.4	486.7	511.7
Jangka pendek	380.0	449.8	436.1
<b>Denominasi mata wang</b>			
Ringgit	296.7	292.2	290.0
Asing	577.7	644.3	657.9
Jumlah hutang/KDNK (%)	64.6	65.4	66.2
Hutang jangka pendek/Jumlah hutang (%)	43.5	48.0	46.0
Rizab/Hutang jangka pendek (kali)	1.1	0.9	1.0 <sup>3</sup>

<sup>1</sup> Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.

<sup>2</sup> Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.

<sup>3</sup> Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Oktober 2018.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 7

**Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal**

	2017		2018			2017		2018		
	S2	S3	S1	S2	S3	S2	S3	S1	S2	S3
	Perubahan pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
<b>Jumlah pembiayaan bersih</b>	<b>29.8</b>	<b>29.1</b>	<b>36.7</b>	<b>32.3</b>	<b>34.2</b>	<b>7.0</b>	<b>6.4</b>	<b>6.3</b>	<b>6.3</b>	<b>6.5</b>
Pinjaman terkumpul <sup>1</sup>	12.0	13.6	18.4	21.0	25.5	5.6	5.0	3.9	4.4	5.1
<i>Antaranya:</i>										
Perusahaan perniagaan	1.0	0.8	8.9	6.5	9.5	6.6	5.4	1.3	2.2	3.6
PKS	2.1	5.2	2.1	1.6	-1.3	7.0	7.0	4.8	4.6	2.4
<i>Bukan PKS</i>	-1.2	-4.5	6.7	4.9	10.8	6.3	4.0	-2.0	-0.1	4.8
Isi rumah	10.4	11.3	11.4	11.7	14.5	5.1	4.9	5.2	5.3	5.5
Bon korporat terkumpul	17.9	15.5	18.3	11.3	8.7	11.8	10.9	14.1	12.4	10.8

\* Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

<sup>1</sup> Sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8

**Penunjuk Pinjaman**

	2017		2018			2017		2018		
	S2	S3	S1	S2	S3	S2	S3	S1	S2	S3
	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
<b>Jumlah</b>										
Permohonan pinjaman <sup>1</sup>	204.8	221.4	209.0	219.5	230.9	-3.1	8.5	5.8	7.2	4.3
Kelulusan pinjaman <sup>1</sup>	91.8	96.9	90.3	99.6	104.4	3.9	10.6	3.3	8.6	7.8
Pengeluaran pinjaman <sup>2</sup>	274.1	285.5	297.0	299.9	314.1	1.0	8.1	1.6	9.4	10.0
Bayaran balik pinjaman <sup>2</sup>	274.4	286.1	293.0	299.2	307.9	3.3	11.5	1.1	9.1	7.6
<b>Antaranya:</b>										
<b>Perusahaan perniagaan<sup>3</sup></b>										
Permohonan pinjaman	86.6	97.2	94.2	99.0	100.3	-14.6	3.5	9.0	14.2	3.3
Kelulusan pinjaman	40.9	44.4	39.7	47.2	48.4	-3.9	10.9	-3.1	15.5	9.0
Pengeluaran pinjaman	196.9	205.5	210.2	215.8	224.4	0.4	9.6	-1.7	9.6	9.2
Bayaran balik pinjaman	198.9	208.5	206.0	216.4	222.3	2.8	13.3	-2.2	8.8	6.6
<b>PKS</b>										
Permohonan pinjaman	42.1	46.4	44.0	47.6	47.1	-10.6	-4.0	7.0	13.1	1.6
Kelulusan pinjaman	15.2	17.0	15.1	16.2	17.8	-8.0	-0.6	8.3	6.9	5.0
Pengeluaran pinjaman	69.3	76.8	75.9	73.4	77.2	4.7	15.1	5.7	6.0	0.5
Bayaran balik pinjaman	68.5	74.3	74.7	74.0	76.3	3.6	12.7	7.0	8.0	2.7
<b>Bukan PKS<sup>3</sup></b>										
Permohonan pinjaman	44.5	50.8	50.2	51.4	53.3	-18.1	11.5	10.9	15.4	4.8
Kelulusan pinjaman	25.7	27.4	24.6	31.0	30.5	-1.4	19.5	-8.9	20.6	11.4
Pengeluaran pinjaman	127.6	128.7	134.3	142.4	147.2	-1.8	6.5	-5.4	11.6	14.4
Bayaran balik pinjaman	130.4	134.1	131.3	142.4	146.0	2.4	13.6	-6.7	9.2	8.8
<b>Isi Rumah</b>										
Permohonan pinjaman	118.2	124.2	114.8	120.5	130.6	7.5	12.8	3.3	2.0	5.1
Kelulusan pinjaman	50.9	52.5	50.6	52.4	56.1	11.1	10.3	8.9	3.0	6.8
Pengeluaran pinjaman	77.2	79.9	86.8	84.1	89.7	2.7	4.4	10.4	8.9	12.2
Bayaran balik pinjaman	75.5	77.6	87.0	82.8	85.6	4.5	6.8	9.9	9.7	10.2

<sup>1</sup> Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan sahaja

<sup>2</sup> Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)

<sup>3</sup> Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9

**Penunjuk Keberuntungan Sektor Perbankan**

	2017		2018		
	S3	S4	S1	S2	S3
Pulangan atas ekuiti (%)	12.8	13.1	12.4	13.3	12.7
Pulangan atas aset (%)	1.4	1.5	1.4	1.5	1.4
<b>RM juta</b>					
Pendapatan faedah bersih	11,747	11,662	12,045	12,046	12,253
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,556	3,036	2,606	2,515	2,479
Tolak: Kos operasi <sup>1</sup>	7,684	8,180	8,101	7,838	7,733
Keuntungan operasi kasar	6,618	6,517	6,550	6,723	6,999
Tolak: Peruntukan jejas nilai <sup>2</sup> dan lain-lain	528	415	687	429	605
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	6,090	6,103	5,864	6,294	6,394
Campur: Pendapatan lain	3,041	3,838	3,048	4,063	2,228
<b>Untung sebelum cukai</b>	<b>9,131</b>	<b>9,941</b>	<b>8,912</b>	<b>10,356</b>	<b>8,623</b>
<b>Pertumbuhan tahunan (%)</b>					
Pulangan atas ekuiti ( <i>mata peratusan</i> )	0.006	0.5	0.6	0.6	-0.1
Pulangan atas aset ( <i>mata peratusan</i> )	0.029	0.1	0.1	0.1	0.0
Pendapatan faedah bersih	10.2	5.0	6.7	3.7	4.3
Campur: Pendapatan berasaskan fi	17.1	18.2	4.3	-0.5	-3.0
Tolak: Kos operasi <sup>1</sup>	5.4	7.7	7.1	2.2	0.6
Keuntungan operasi kasar	19.2	7.2	5.2	3.8	5.8
Tolak: Peruntukan jejas nilai <sup>2</sup> dan lain-lain	17.3	-40.2	128.4	-47.8	14.6
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	19.4	13.3	-1.0	11.3	5.0
Campur: Pendapatan lain	6.7	67.6	52.0	13.6	-26.7
<b>Untung sebelum cukai</b>	<b>14.9</b>	<b>29.5</b>	<b>12.4</b>	<b>12.2</b>	<b>-5.6</b>

<sup>1</sup> Merujuk kos kakitangan dan overhead

<sup>2</sup> Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan bagi institusi perbankan yang belum menerima pakai Malaysia Financial Reporting Standard 9 (MFRS 9); dan Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit bagi institusi perbankan yang telah menerima pakai MFRS 9

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 10

**Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful**

	2017		2018		
	S3	S4	S1	S2	S3
<b>RM juta</b>					
<b>Insurans Hayat &amp; Takaful Keluarga</b>					
Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan	3,518	4,918	4,095	-1,222	8,532
<b>Insurans Am &amp; Takaful Am</b>					
Keuntungan operasi	654	783	561	1,015	1,205
Nisbah tuntutan (%)	61	55	57	55	53
<b>Pertumbuhan tahunan (%)</b>					
<b>Insurans Hayat &amp; Takaful Keluarga</b>					
Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan	-34.2	647.7	-33.1	-127.7	142.5
<b>Insurans Am &amp; Takaful Am</b>					
Keuntungan operasi	-26.2	-12.3	13.4	33.2	84.5
Nisbah tuntutan ( <i>mata peratusan</i> )	4.8	-1.7	-6.0	-0.8	-7.9

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 11

## Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2017		2018 <sup>a</sup>		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	58.7	64.6	54.3	52.5	58.9
% pertumbuhan tahunan	4.3	8.0	16.5	4.0	0.3
Perbelanjaan mengurus	48.3	58.3	54.9	62.9	55.1
% pertumbuhan tahunan	-4.8	16.7	-4.6	17.5	14.1
<b>Akaun semasa</b>	<b>10.5</b>	<b>6.3</b>	<b>-0.6</b>	<b>-10.4</b>	<b>3.9</b>
% daripada KDNK	<b>3.1</b>	<b>1.8</b>	<b>-0.2</b>	<b>-3.0</b>	<b>1.1</b>
Perbelanjaan pembangunan bersih	9.7	13.4	10.8	9.1	7.5
% pertumbuhan tahunan	30.9	-1.9	15.5	-14.8	-22.4
<b>Imbangan keseluruhan</b>	<b>0.8</b>	<b>-7.2</b>	<b>-11.3</b>	<b>-19.5</b>	<b>-3.6</b>
% daripada KDNK	<b>0.2</b>	<b>-2.0</b>	<b>-3.3</b>	<b>-5.6</b>	<b>-1.0</b>
<b>Memo:</b>					
Jumlah perbelanjaan bersih	57.9	71.8	65.7	72.0	62.5
% pertumbuhan tahunan	-0.3	12.7	-1.8	12.1	8.0
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	687.4	686.8	705.0	725.2	731.1
% daripada KDNK	50.8	50.7	49.3	50.7	51.1
Hutang dalam negeri	492.3	484.1	499.5	541.3	547.3
% daripada KDNK	36.4	35.8	34.9	37.8	38.2
Hutang luar negeri	195.1	202.8	205.5	184.0	183.8
% daripada KDNK	14.4	15.0	14.4	12.9	12.8
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	177.8	186.2	189.6	167.5	167.2
% daripada KDNK	13.1	13.8	13.2	11.7	11.7
Peminjaman luar pesisir	17.3	16.6	15.9	16.5	16.6
% daripada KDNK	1.3	1.2	1.1	1.1	1.2

<sup>a</sup> Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

